

24 OCT 1998

BELANJAWAN NEGARA 1999 TERUS MENDAPAT PUJIAN DI SABAH

KOTA KINABALU, 24 Okt (Bernama) -- Belanjawan Negara 1999 yang dibentangkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam terus mendapat pujian pemimpin Sabah yang menganggapnya sebagai belanjawan ke arah pemulihan ekonomi.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini berkata Sabah akan mendapat banyak faedah daripada pelbagai penekanan di dalam belanjawan berkenaan khususnya yang berkaitan dengan prasarana, pembangunan desa dan pelancongan.

"Peruntukan prasarana berjumlah RM390 juta bagi Sabah akan membolehkan jalan raya persekutuan dinaikkan taraf serta menjamin projek yang telah dirancang tahun depan dapat dilaksanakan," katanya kepada pemberita selepas menerima sumbangan komputer daripada Sabah Shell Petroleum Co dan Petronas kepada sekolah-sekolah di daerah Papar, di sini.

Osu, yang juga Menteri Kewangan negeri, berkata peruntukan pembangunan desa untuk Sabah akan membantu menaikkan taraf masyarakat penduduk miskin di luar bandar.

Insentif bagi syarikat pelancongan juga memberi faedah kepada Sabah yang telah mengisytiharkan tahun 2000 sebagai Tahun Melawat Sabah, katanya.

Mengenai perancangan dalam Belanjawan Negeri yang akan dibentangkan bulan depan, Osu berkata kementerian beliau akan memperincikan beberapa butiran dalam Belanjawan Negara bagi merangka belanjawan negeri yang sesuai dengan keadaan semasa.

-- BERNAMA

JS NAK